

BERITA HARIAN

DATE: 01 / 09 / 2007

Stadium Merdeka kembalikan nostalgia

KUALA LUMPUR: Kemeriahan sambutan kemerdekaan negara ke-50 diteruskan dengan Persembahan Perayaan Raksasa Merdeka malam tadi, yang mengimbau kembali detik bersejarah perisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka, lima dekad lalu.

Kira-kira 50,000 rakyat memenuhi setiap ruang stadium untuk menyaksikan persembahan warna warni dan penuh nostalgia yang memaparkan semula suasana sebenar pada pagi 31 Ogos 1957.

Sebaik keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah pada jam 9.15 malam, majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku.

Seramai 6,500 ahli politik Umno, MCA, MIC berkumpul di balapan hadapan pentas utama membawa ber-

sama pelbagai sepanduk dan bendera parti menggambarkan suasana sambutan pada tahun 1957.

Sebaik saja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selesai memberikan amanat, seramai 500 pemuda Barisan Nasional (BN) berarak masuk ke stadium diketuai Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin membawa watiwah pengisytiharan kemerdekaan.

Perwatakan Khairy itu menggambarkan kejadian sebenar yang berlaku pada pagi hari bersejarah 1957 apabila Tahir Abdul Majid yang juga Naib Ketua Pemuda Umno membawa watiwah pengisytiharan kemerdekaan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra.

Watiwah itu diterima Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan diserahkan kepada

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan merangkap Pengerusi Jawatankuasa sambutan perayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim sebelum Perdana Menteri memasukkan watiwah itu ke dalam sebuah kapsul berupa amanat pemimpin hari ini untuk generasi masa depan.

Acara itu turut disaksikan Raja-Raja Melayu, termasuk Sultan Perak, Sultan Azlan Shah Muhibuddin Shah; Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah; Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah; Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra.

Turut hadir Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Ahmad Shah Abdullah;

Yang di-Pertua Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan Yang di-Pertua Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob.

Penonton kemudian disajikan persembahan holografik memaparkan detik apabila Duke of Gloucester, Putera Henry yang mewakili Queen Elizabeth II menyerahkan Surat Perlembagaan kepada Tunku Abdul Rahman dengan berkata: "Adalah menjadi kewajipan dan kegembiraan saya sekarang menyerahkan kepada Perdana Menteri sebagai wakil rakyat Malaya, surat perlembagaan yang mengandungi Kemerdekaan Tanah Melayu".

Selepas persembahan itu, Abdullah mengetuai laungan merdeka sebanyak tujuh kali disahut oleh hadirin diikuti perarakan masuk pembawa bendera terdiri daripada tiga pemuda Umno, serta masing-masing dua pemuda MCA dan MIC.

BH- 1/9/2007